



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

PENYERTAAN NEGARA DALAM UNITED NATIONS HABITAT ASSEMBLY 2023:

MALAYSIA MELALUI KPKT KOMITED DALAM AGENDA PEMBANGUNAN MAMPAN 2023

NAIROBI, KENYA, 5 JUN 2023 - YB Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan telah menyampaikan Kenyataan Negara pada Sesi ke-2 Perhimpunan *United Nations Habitat* (UN Habitat) 2023 yang bertemakan “*Sustainable Urban Future Through Inclusive and Effective Multilateralism: Achieving the Sustainable Development Goals in Times of Global Crises*”. YB Nga Kor Ming (YB KM) mengetuai delegasi Malaysia pada persidangan tersebut yang berlangsung selama 4 hari di Nairobi, Kenya dari 5 hingga 9 Jun 2023. Turut hadir adalah Duta Malaysia ke Nairobi, TYT Ruzaimie Mohamad.

Dalam Kenyataan Negara, beliau telah menekankan tentang keperluan untuk sentiasa konsisten dalam meningkatkan kerjasama global untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) menjelang tahun 2030 terutamanya ketika mendepani krisis. Malaysia telah berkongsi mengenai dasar dan amalan terbaik agenda pembangunan mampan yang telah dilaksanakan dalam tiga (3) komponen utama iaitu perumahan, pengurusan sisa pepejal dan inisiatif kelestarian yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia seperti berikut:

Agenda Perumahan

Malaysia menegaskan komitmen negara dalam menyediakan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik seiring dengan Dasar Perumahan Negara yang menyasarkan penyediaan 500,000 unit rumah mampu milik menjelang 2025.

Sehingga kini Malaysia telah membina lebih kurang 250,000 unit dan kadar pemilikan perumahan kebangsaan telah melebihi 77%.

Pengurusan Sisa Pepejal

Blueprint Ekonomi Kitaran dalam Pengurusan Sisa Pepejal akan menjadi satu dokumen rujukan dalam merencanakan pelaksanaan inisiatif ekonomi kitaran yang turut merangkumi pembangunan fasiliti pengurusan sisa pepejal bersepadu (*integrated waste management facility* – IWMF) yang menyediakan pelbagai kemudahan rawatan termasuk fasiliti *Waste to Energy*. Selain itu, inisiatif *Waste to Gold* pula dijangka akan menyumbang kepada peningkatan Kadar Kitar Semula daripada 33.17% kepada 40% menjelang tahun 2025.

Inisiatif Kelestarian

Malaysia turut menyatakan sokongan kepada aspek kemampanan alam sekitar melalui Pelan Induk Rangkaian Ekologi *Central Forest Spine* (PIRECFS) yang mensasarkan peningkatan biodiversiti dan liputan hutan daripada 43% kepada 50% dengan menyambung semula hutan-hutan di samping meningkatkan penyediaan 11,773 taman awam dan penanaman 100 juta pokok hingga tahun 2025.

Selain itu, YB KM juga telah menyampaikan ucap tama dalam Program Sampingan (*Side Events*) bertajuk *The Need for Balance: Affordable Living and Adequate Affordable Housing for All*. Dalam sesi tersebut beliau telah berkongsi inisiatif perumahan di Malaysia termasuk penyediaan, pemilikan, pembiayaan dan juga program perumahan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia khususnya kepada golongan B40 dan M40. Sesi tersebut turut diwakili oleh panel-panel dari Negara Pakistan, Kenya, Emiriah Arab Bersatu dan Malaysia yang diwakili oleh Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) serta pakar perumahan dari UN Habitat.

Beliau turut merasmikan Rumah Malaysia iaitu reruai Malaysia di UN Habitat Assembly yang mengetengahkan produk dan perkhidmatan KPKT terutama perumahan dan pengurusan sisa pepejal. Pada majlis tersebut YB KM telah berkongsi mengenai kejayaan Malaysia dalam agenda kemampanan negara dan juga hasrat

Malaysia untuk menyumbang dengan lebih berkesan dalam agenda tersebut di peringkat global.

Delegasi Malaysia yang diketuai oleh YB KM merupakan antara dua buah negara yang telah dipilih untuk bertemu TYT Dr William Samoei Ruto, Presiden Kenya pada sesi kali ini. Malaysia akan turut mengadakan sesi bilateral dengan Negara-negara Ahli UN Habitat seperti China, Emiriyah Arab Bersatu, Columbia, Egypt dan lain-lain.

Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh 5,000 orang peserta mewakili 193 buah negara. Delegasi Malaysia terdiri daripada Pegawai Kanan Kementerian, Ketua Pegawai Eksekutif Urbanice, Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Datuk Bandar dan wakil-wakil PBT berkaitan.

#MalaysiaMadani
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

